

Tulang belakang pertumbuhan cergas

Industri sederhana diberi tumpuan: PM

RE 2 MAR 1991

KEGIATAN industri kecil dan sederhana (SMI) Malaysia dijangka menjadi sumber utama atau tulang belakang kepada pertumbuhan cergas perindustrian tempatan pada masa depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya kerajaan akan menumpukan sepenuh perhatian untuk memperkembangkan sektor ekonomi berkenaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan akan merangka skim bantuan khas dan berusaha meningkatkan kepakaran di peringkat pengurusan, teknologi dan kemahiran kakitangan dalam bidang yang dianggap penting itu tetapi "masih diketepikan di segi ekonomi."

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk *Peluang Bagi Malaysia Untuk Maju ke Depan* yang dibentangkan di Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) kelmarin. Ker kerja itu diedarkan di Kuala Lumpur, semalam.

Katanya, industri itu turut bertanggungjawab menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan, mengukuhkan keperluan industri, meneroka pasaran dan meningkatkan penda-

patan eksport negara.

"Industri berkenaan penting bagi dijadikan sebagai sebuah pusat untuk menampung kelahiran usahawan baru hari esok," katanya.

Selaras itu, katanya bantuan perlu diberi bagi membolehkan SMI muncul sebagai syarikat besar. Lebihan pendapatan dan modal tempatan perlu disalurkan untuk meningkatkan pelaburan berkenaan.

"Jika perlu, bantuan dan sokongan teknologi, latihan serta infrastruktur boleh diberi," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketika ini pembangunan untuk memperkembangkan teknologi asli masih kekurangan menyebabkan terlalu sedikit pengeluaran barangan ditambah nilai dan terlalu banyak barangan pemasangan yang mudah.

Perdana Menteri berkata selaras pembangunan sumber manusia, sektor swasta juga tidak boleh menyetepikan hakikat bahawa Bumiputera yang menjadi separuh daripada penduduk di negara ini perlu dilatih bagi membolehkan mereka diserap dalam pelbagai bidang ekonomi.